

KPDNHEP puas hati peniaga patuhi undang-undang

09 Sept 2019;T01:30:02+08:00

Oleh Hamzah Sanudin



LAWAT: Iskandar, Muis dan Mohamad Yusoff semasa melawat dan meninjau harga barangan di Pasar Tanjung.

TAWAU: Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) secara keseluruhannya berpuas hati terhadap para peniaga di Pasar Tanjung kerana mematuhi undang-undang yang sudah ditetapkan untuk semua barangan yang dijual.

Pengarah Penguatkuasa KPDNHEP Datuk Iskandar Halim Sulaiman berkata, tinjauan yang dilakukan di pasar berkenaan mendapati peniaga mematuhi semua aspek undang-undang, terutamanya berkaitan tanda harga.

"Peniaga di pasar ini sudah meletakkan tanda harga untuk kesemua barangan yang mereka jual dan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh pihak KPDNHEP.

"Kita juga melihat, alat timbang yang digunakan oleh peniaga dalam keadaan baik dan masih dalam tempoh yang boleh digunakan," katanya sempena lawatan ke Pasar Tanjung, di sini, semalam.

Iskandar berkata, harga untuk kesemua barangan di pasar itu juga sangat murah dan berpatutan terutamanya barang kering seperti ikan bilis dan ikan kering.

"Barang-barang ini jauh lebih murah dan mudah didapati dibandingkan di tempat lain terutamanya di Semenanjung.

"Masyarakat Tawau sangat bertuah kerana dapat membeli barang kering yang sangat murah berbanding pasar lain yang menjual barang yang sama," katanya.

Sempena lawatan itu, pihaknya sudah mengadakan rangka kerja yang sangat penting untuk Pulau Sebatik berkaitan penjualan tong gas petroleum cecair (LPG).

"Kita sudah mengadakan kerjasama dengan Pasukan Polis Marin (PPM) dan Pejabat DUN Sebatik untuk membendung ketirisan barangan kawalan dan subsidi di sempadan negara serta berkaitan harga LPG yang terlalu tinggi.

"Selama ini, penduduk Pulau Sebatik mendapatkan gas petroleum cecair dengan harga yang sangat mahal kerana pelbagai kos yang dikenakan oleh pihak pembekal," katanya.

Iskandar berkata, dengan kerjasama itu, penduduk Sebatik boleh mendapatkan LPG bersubsidi pada harga yang berpatutan.

Di samping itu juga, KPDNHEP sudah memperkenalkan tong LPG bewarna ungu tanpa subsidi untuk warga asing.

"LPG ungu yang sudah mula dijual pada pertengahan Jun tahun ini adalah untuk memastikan tiada ketirisan LPG bersubsidi ke negara luar, di samping LPG ungu ini juga tidak ada kawalan harga dilakukan," jelasnya.

Iskandar berpesan kepada semua peniaga yang telah diberikan lesen menjual barang kawalan itu supaya tidak menyalahgunakan kemudahan yang sudah diberikan.

"Pastikan barangan bersubsidi dan terkawal harus dijual kepada warganegara ini sahaja dan harganya haruslah munasabah tanpa mengambil keuntungan yang tidak sewajarnya.

"Jika kita dapati peniaga tidak mematuhi undang-undang yang ditetapkan, mereka akan dikenakan tindakan dengan menarik semula lesen yang sudah diberikan dan tidak dibenarkan berniaga lagi," tegasnya.

Menurutnya, kerjasama yang sudah dilaksanakan itu sangat berjaya dan banyak permasalahan yang diselesaikan secara bersama di mana, hubungan KPDNHEP dan PPM akan lebih erat dengan adanya kerjasama itu.

Turut hadir ialah ADUN Sebatik Abdul Muis Picho, Komander PPM Malaysia SAC Mohamad Yusoff Mamat dan Komander PPM Wilayah 4 Sabah Mohamad Pajeri Ali.